

29/11/1997

Kiosk elektronik dilaksana bulan depan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Program kiosk elektronik yang menjadi perintis projek kerajaan elektronik dalam perkhidmatan awam, akan dilaksanakan bulan depan di empat kompleks beli-belah sekitar Lembah Klang.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata Telekom Malaysia Berhad (Telekom) dilantik untuk mengendalikan pelaksanaan sistem baru yang memudahkan urusan rakyat dengan kerajaan.

"Telekom memberi komitmen akan meletakkan kiosk di beberapa tempat tumpuan ramai bagi memudahkan mereka berurusan dengan agensi kerajaan termasuk pembayaran bil, denda, permohonan passport dan pembaharuan lesen.

"Setakat ini, empat pusat beli-belah dikenal pasti bagi melaksanakan kiosk termasuk di Sogo dan Sungei Wang Plaza," katanya selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam 1997 di Dewan Mukhtamar Pusat Islam, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (Mampu), Datuk Dr Mohd Rais Abdul Karim.

Pelaksanaan kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos tahun lalu.

Kiosk elektronik itu akan diadakan di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pusat beli-belah, lobi bangunan yang mempunyai ramai pekerja dan bank.

Pada peringkat awal, ia dilaksanakan di Lembah Klang dan jika sambutan menggalakkan ia diperluaskan ke seluruh negara.

Abdul Halim berkata, penggunaan sistem kiosk dijamin selamat kerana pengguna perlu menggunakan nombor kad pengenalan atau pengenalan kad kredit.

"Menggunakan sistem ini, seseorang boleh mengetahui status saman trafik atau untuk membayar saman menggunakan kad kredit," katanya.

(END)